

KPKT senarai 400 nama penerima

Bagi memastikan mereka yang benar-benar layak menerima unit PPR Ampar Tenang

DENGKIL

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan menyenaraikan 400 nama bekas pekerja ladang yang layak menerima rumah teres satu tingkat di Ampar Tenang, Dengkil.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, pihaknya akan menyenaraikan nama-nama pemilik bagi memudahkan urusan pemberian rumah.

"Kalau ada bantahan mengenai nama yang dipamerkan, kita akan siasat sama ada bantahan terhadap satu-satu nama itu benar atau tidak.

"Kita kena adil dan telus supaya mereka yang benar-benar layak dapat rumah yang dijanjikan supaya hak

mereka ditepati," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Pelancaran Majlis Pecah Tanah Program Perumahan Rakyat (PPR) Ampar Tenang oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"PPR yang akan dibangunkan KPKT ini melibatkan kos pembangunan sebanyak RM60 juta bagi pembinaan 400 unit rumah teres satu tingkat termasuk kemudahan balai komuniti dan tapak rumah ibadat bu-



Noh ketika sidang media selepas Majlis Pelancaran Pecah Tanah Program Perumahan Rakyat (PPR) Ampar Tenang oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

kan Islam.

"Harga jualan satu unit PPR itu adalah RM20,000 menjadikan jumlah subsidi kerajaan bagi setiap unit adalah RM130,000. Ia dijangka siap Julai 2019," katanya.

Sebelum ini, PPR Ampar

Tenang dibina khusus untuk bekas-bekas pekerja Ladang Perang Besar, Medingly, Gollaway dan Sedgely yang tinggal di Rumah Kos Rendah Taman Permata di Dengkil.

Sementara itu, Najib dalam ucapannya sebelum ini

memaklumkan, unit-unit rumah di bawah program PPR ditawarkan secara sewaan atau dijual dengan harga mampu ditanggung penyewa dan pembeli unit-unit rumah.

"Saya hargai di atas ke-

sanggupan penduduk Taman Permata di Dengkil yang ditempatkan di Flat Taman Permata Dengkil 18 tahun lalu semata-mata memberi peluang pembangunan Putrajaya. Saya faham ia bukan keputusan yang mudah.

"Namun, terdapat juga 11 keluarga yang tercicir di mana mereka tidak dapat unit rumah di Flat Taman Permata ketika proses pemindahan tersebut.

"Jadi, pada hari ini dengan sukacitanya...saya mengumumkan bahawa kerajaan juga akan bina rumah PPR Ampar Tenang untuk 11 keluarga ini. Saya telah minta Noh Omar supaya KPKT meneliti perkara ini supaya rumah yang mencukupi dapat dibina untuk keperluan semua penduduk yang layak," katanya.